



Hujan lebat luar biasa punca utama banjir lumpur

B.M 15/4/07 M/S 11

JERNIH air yang mengalir perlahan di Sungai Dipang sesekali mengutuskan kedamaian kepada sesiapa saja terutama penduduk Perkampungan Orang Asli Pos Dipang yang sentiasa berdampingan dengan sumber alam itu.

Tetapi kejernihan sungai itu tidak lagi menawarkan kedamaian pada 29 Ogos 1996. Di bawah titisan hujan menggila, air sungai yang jernih mula dicampuri lumpur, arus tidak lagi mengalir perlahan seperti sebelumnya tetapi mula semakin deras.

Paras air yang hanya sekitar 0.3 meter mula melimpah sehingga kira-kira 1.5 meter daripada paras tebing dan air sungai yang sebelum itu amat mendamaikan mula menjadi bencana alam yang mengorbankan 39 nyawa.

Pasukan penyiasat khas yang ditubuhkan bagi menyiasat punca tragedi itu mendapati tiga faktor dikenal pasti sebagai penyebab utama bencana banjir lumpur itu.

Laporan disediakan pasukan petugas terdiri daripada pakar geologi Planetarium dan jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mendapati ia berpunca dan dipengaruhi faktor iklim, topografi dan geologi sekitar kawasan kejadian.

Hujan lebat yang luar biasa sebelum tragedi itu adalah antara punca utama kejadian itu. Berdasarkan rekod JPS pada Ogos 1993 sukatan hujan di kawasan kejadian hanya 137 milimeter (mm), Ogos 1994 (197mm), Ogos 1995 (281 mm) manakala pada Ogos tahun kejadian ialah 461mm.

Kawasan bukit yang curam di Sungai Pusat yang terletak di hulu Sungai Dipang menyebabkan berlaku tanah runtuh yang besar di situ. Keadaan itu menyebabkan air Sungai Pusat keruh dan berlumpur berbanding Sungai Dom dan Sungai Sangkut iaitu anak Sungai Dipang di hulu.

Timbunan lumpur dan pasir daripada tanah runtuh itu menyebabkan air di sungai berkenaan meningkat mendadak dan mempunyai kuasa tinggi menghakis Sungai Dipang hingga ke hilir seterusnya keadaan itu menyebabkan berlakunya proses hakisan yang mencabut pokok besar dan ia adalah punca utama begitu banyak pokok terbongkah.

Kehadiran pokok besar itu menyebabkan terbentuknya beberapa 'empangan' sementara terutama di alur sempit dan satu daripada empangan terbesar yang terbentuk dikesan kira-kira 200 meter dari perkampungan Orang Asli terbabit.

Tekanan air akibat hujan lebat pada hari kejadian menyebabkan empangan itu pecah lantas menghanyutkan kayu tersangkut serta mencabut pokok lain yang melintang sebelum air melimpah ke perkampungan berkenaan.

Demikianlah hasil kajian yang dikatakan menjadi punca bencana alam itu. Sejak cerita kejadian banjir lumpur yang dahsyat itu tersebar, pelbagai pihak mula membuka mata dan memberi tumpuan terhadap isu penempatan Orang Asli di negara ini.

Selepas tragedi itu juga, hampir semua kerajaan negeri yang mempunyai ramai penduduk Orang Asli mengarahkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) mengenal pasti penempatan masyarakat itu yang terdedah kepada bahaya terutama banjir lumpur.

Berikutan bencana yang memusnahkan hampir keseluruhan penempatan Orang Asli itu, sebuah penempatan baru dibina untuk mereka tidak jauh daripada penginapan asal. Penempatan baru Orang Asli Pos Dipang itu juga menjadi penempatan contoh berikutan kajian kerajaan negeri mendapati penempatan itu sesuai dan selamat diduduki.

Penempatan baru seluas 1.5 hektar itu menempatkan 53 rumah dengan kos pembinaan setiap satu sebanyak RM7,000.